

30 APR 1998

KEDAH SEDIAKAN LANDASAN GALAK KELAB PENERBANGAN

ALOR SETAR, 30 April (Bernama) -- Kerajaan Kedah bercadang menyediakan landasan untuk pesawat kecil di beberapa pekan di negeri ini bagi memberi manfaat kepada kelab penerbangan termasuk di peringkat sekolah.

Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri Datuk Beh Heng Seong berkata pada peringkat awalnya, landasan itu akan disediakan di Kulim, Sungai Petani dan Kuala Ketil kerana pekan-pekan ini sudahpun mempunyai landasan peninggalan penjajah yang tidak digunakan lagi.

"Dengan menyediakan landasan ini di setiap pekan utama, penubuhan kelab penerbangan di sekolah menengah di seluruh negeri akan lebih bermanfaat," katanya di sini hari ini.

Beh berkata pengwujudan kelab penerbangan di sekolah selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memajukan bidang aeroangkasa.

Kedah kini mempunyai dua kelab penerbangan milik swasta manakala sebuah sekolah di Langkawi telahpun mewujudkan kelab penerbangannya.

-- BERNAMA

MN MAI